



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DI-TERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 15
No. 26

30hb Disember, 1971

TAMBAHAN No. 17
ACT

Akta Parlimen yang berikut, yang telah di-luluskan oleh kedua² Dewan Parlimen dan di-persetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ada-lah dengan ini di-terbitkan menurut Fasal (4) Perkara 66 dalam Perlembagaan:

The following Act of Parliament passed by both Houses of Parliament and assented to by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, is hereby published pursuant to Clause (4) of Article 66 of the Constitution:

No.	Tajok ringkas
Akta 59 ...	Akta Bandaraya Kuala Lumpur, 1971. City of Kuala Lumpur Act, 1971.



UNDANG² MALAYSIA

Akta 59

AKTA BANDARAYA KUALA LUMPUR, 1971

Tarikh Persetujuan di-Raja ... 29hb Disember, 1971

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* 30hb Disember, 1971

UNDANG² MALAYSIA

Akta 59

AKTA BANDARAYA KUALA LUMPUR, 1971

Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perubahan gelaran dan perkara² lain yang berbangkit dari penganugerahan taraf Bandaraya kepada Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur.

[1hb Februari, 1972.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Bandaraya Kuala Lumpur, 1971 dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Februari, 1972. Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah Ordinan Perbandaran Negeri² Selat dan di-namakan "Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur" dan di-tadbir di-bawah Akta Ibu Kota, 1960 hendak-lah di-namakan "Bandaraya Kuala Lumpur" atau "the City of Kuala Lumpur". Perubahan gelaran. N.S. Bab 133. Akta No. 35/60.
3. (1) Mula berkuatkuasanya Akta ini tidak-lah menyentoh pendirian Pesuruhjaya Ibu Kota atau mana² orang lain yang di-lantek atau di-namakan dengan sah, mengikut mana yang berkenaan, pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini bagi memegang jawatan Pesuruhjaya atau jawatan² lain dan mula² dari tarikh tersebut Pesuruhjaya itu atau orang² lain yang masing² memegang jawatan itu hendak-lah mempunyai dan menjalankan segala hak, kewajipan, kuasa dan keistimewaan yang dahulu-nya di-punya² oleh mana² jawatan itu di-bawah Akta Ibu Kota, 1960 atau mana² undang² bertulis lain atau mana² undang² kechil yang dibuat di-bawah-nya sa-olah² Akta ini tidak di-jadikan undang². Mengechualikan hak² dan kewajipan² Pesuruhjaya dan orang² lain.

(2) Tiada apa² jua dalam Akta ini boleh menyentoh sah-nya atau kuatkuasa apa² tindakan, pembicharaan, pindahak, pindahmilk, suratikatan, urusan atau apa² jenis perbuatan bona fide yang telah di-ambil, di-buat atau di-lakukan sa-belum Akta ini mula berkuatkuasa oleh atau terhadap atau atas nama atau bagi pehak Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur.

Pindaan
kapada
gelaran².

4. Melainkan jika ada sa-suatu yang tidak bersesuaian dalam perkara atau kandungan ayat-nya, dalam tiap² undang² bertulis—

- (a) sebutan mengenai “Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur” hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai sebutan mengenai “Bandaraya Kuala Lumpur” atau “the City of Kuala Lumpur”;
- (b) sebutan mengenai “Pejabat Perbandaran” atau mengenai “Pejabat Pesurohjaya” hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai sebutan mengenai “Dewan Bandaraya” atau “the City Hall”;
- (c) sebutan mengenai “Perbandaran” berhubong dengan Ibu Kota Kuala Lumpur hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai sebutan mengenai “Bandaraya” atau “City”; dan
- (d) sebutan mengenai “Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur” hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai sebutan mengenai “Dato Bandar Kuala Lumpur” atau “the Commissioner of the City of Kuala Lumpur”.

Akta No.
35/60.

5. Kechuali sa-bagaimana di-peruntokkan terdahulu dari-pada ini, tiada apa² jua dalam Akta ini boleh menyentoh kuatkuasa Akta Ibu Kota, 1960.